

04/09/2001

Meritokrasi bermula di tiga fakulti

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Isnin - Majlis Tertinggi (MT) Umno memutuskan, kemasukan pelajar ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) berdasarkan meritokrasi mula dilaksanakan bagi bidang pengajian sastera serta sains dan teknologi.

Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata dasar meritokrasi akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat dan kemungkinan besar ia turut merangkumi pengajian agama.

Katanya, mesyuarat MT hari ini yang mendengar taklimat Biro Pendidikan mengenai masalah pendidikan pelajar Melayu di IPTA, memutuskan supaya syarat kelayakan memasuki IPTA tidak terlalu rendah.

"MT berpendapat kemasukan ke bidang pengajian agama juga perlu berdasarkan meritokrasi bagi memastikan pengajarannya benar-benar mengenai agama tanpa membabitkan unsur politik.

"Kita tidak mahu ada ajaran yang menjurus kepada kempen antikerajaan atau membenci kerajaan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat lebih tiga jam di ibu pejabat Umno, di sini petang ini.

Sebelum ini, Perdana Menteri pernah menyatakan tindakan radikal terpaksa diambil bagi menyelamatkan pelajar Melayu daripada belenggu gejala sosial, keruntuhan moral, keciciran dan masalah pelajar lelaki di IPTA.

Antara tindakan itu ialah mengetatkan syarat kemasukan pelajar Bumiputera ke IPTA iaitu berdasarkan meritokrasi dan tanpa bantuan kerajaan.

Mesyuarat MT juga diberi taklimat mengenai kegiatan kumpulan militan Islam yang ingin mendirikan negara Islam dengan mencantumkan tiga negara iaitu Malaysia, Indonesia dan Filipina.

Dr Mahathir menjelaskan, tindakan kumpulan itu bukan bertujuan mewujudkan negara Islam, sebaliknya mereka mahu merampas kuasa menggunakan kekerasan.

"Kita belum tahu apa jenis kerajaan yang mahu mereka dirikan, tetapi hakikatnya, mereka nak jatuhkan kerajaan, bukan untuk jatuhkan musuh Islam. Perjuangan mereka sebenarnya mahu menjatuhkan kerajaan milik orang Islam yang mereka anggap bukan Islam," katanya.

Perdana Menteri berkata, kumpulan militan itu mahu menggunakan kekerasan bagi mendapatkan kuasa politik kerana tidak sabar menunggu perjalanan sistem demokrasi.

Beliau berkata, kerajaan sudah mengenal pasti kaedah menangani gerakan bawah tanah itu, tetapi enggan mengulas lanjut.

Menjawab soalan pemberita, Dr Mahathir menafikan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) menjadi pusat transit kumpulan militan, termasuk kumpulan Mujahidin dari Afghanistan.

Mengenai lawatan empat hari Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew, ke sini mulai semalam, Dr Mahathir berkata beliau sedia bercakap isu militan jika Lee mahu berbilang mengenai.

Beliau juga berkata, Malaysia tidak pernah menghalang syarikat negara asing, termasuk Singapura, beroperasi di sini tetapi ia perlu mematuhi amalan serta syarat yang ditetapkan kerajaan.

"Kita tidak boleh membiarkan syarikat asing mengarahkan kita bagaimana hendak mengendalikan urusan perniagaan di sini," katanya.

(END)